



176. Kontrak Perolehan

Kontrak Formal

- 176.1(a) Sebelum sesuatu **tender** di setuju terima, Pegawai Pengawal hendaklah berpuas hati bahawa syarat-syarat perolehan itu telah diputuskan dan dinyatakan dengan jelas. Perhatian khusus hendaklah diberikan kepada maklumat penuh mengenai perolehan, harga seunit yang dipersetujui, kuantiti yang dikehendaki, tarikh, masa dan tempat serahan, belanja serahan, perkhidmatan lepas jualan, kemudahan mendapatkan alat ganti dan lain-lain yang berkenaan. Selepas setuju terima oleh pihak berkuasa yang berkenaan, satu kontrak formal hendaklah disempurnakan oleh Pegawai Pengawal.
- (b) Bagi perolehan **bekalan atau perkhidmatan secara sebut harga** di mana kontrak formal tidak sesuai, **memadai pesanan Kerajaan atau inden kerja dikeluarkan. Walau bagaimanapun, syarat-syarat dan terma-terma hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam dokumen pelawaan sebut harga bagi** memastikan kepentingan Kerajaan terjamin/terpelihara **dan disertakan bersama pesanan Kerajaan atau inden kerja supaya kontraktor jelas mengenai obligasinya.**
- (c) Bagi semua perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa kontrak formal hendaklah diadakan dan Arahan Perbendaharaan 204 hendaklah dipatuhi.